

Bajet 2016 lulus peringkat dasar

» 128 Ahli Parlimen sokong Rang Undang-Undang Perbekalan

Laporan Norakmah Mat Youb dan Haspaizi Mohd Zain
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 (Bajet 2016) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 23 Oktober lalu, diluluskan pada peringkat dasar di Dewan Rakyat, malam tadi, bagi bacaan kali kedua.

Seramai 128 Ahli Parlimen menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 itu, manakala 74 lagi menolak apabila undian belah bahagian diadakan.

Daripada 128 menyokong, 127 adalah Ahli Parlimen Barisan Na-

sional (BN), manakala seorang lagi ialah Ahli Parlimen bebas, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Ahli Parlimen DAP (35), PKR (30) dan Parti Amanah Negara (enam) serta tiga wakil rakyat PAS, Datuk Mahfuz Omar (Pokok Sena), Ahmad Baihaki Atiqulah (Kubang Kerian) dan Dr Nik Mazlan Nik Mohamad (Pasar Puteh), mengundi menentang.

Peruntukan RM267.22 bilion

Rang undang-undang itu, yang bertujuan memperuntukkan RM267.22 bilion bagi perbelanjaan kerajaan pada 2016, dijadual dibahaskan pada peringkat jawatankuasa bermula hari ini.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia, mengumumkan keputusan itu pada jam 9.01 malam tadi selepas undi belah bahagian diadakan.

“Yang bersetuju supaya rang undang-undang ini dibaca kali kedua adalah 128 orang dan bagi yang tidak bersetuju adalah 74 orang.

“Dengan keputusan ini, ber-

makna Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 (Bajet 2016) dibacakan untuk buat kali ke-2,” katanya.

Rang Undang-Undang itu dibahas dan digulung selama sembilan hari oleh Ahli Parlimen.

Pengundian Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 berkenaan diadakan selepas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah menggulung perbahasan bagi kementerian-nya.

Yang turut hadir ketika pengundian ialah Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Enam Ahli Parlimen PAS, iaitu Datuk Takiyuddin Hassan (PAS-Kota Bharu); Nik Mohd Abdul Nik Aziz (PAS-Pasar Mas); Nasruddin Hassan (PAS-Temerloh); Idris Ahmad (PAS-Bukit Gantang); Ahmad Marzuk Shary (PAS-Bachok) dan Dr Izani Hussin (PAS-Pengkalan Chepa) mengambil keputusan berkecuali.

Empat lagi, termasuk Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Marang), Mohd Khairu-

ddin Aman Razali (Kuala Nerus), Datuk Matulidi Jusoh (Dungun) dan Siti Zailah Muhd Yusoff (Rantau Panjang) tidak hadir.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menyokong rang undang-undang itu.

2 Ahli Parlimen DAP tak undi

Dua Ahli Parlimen DAP tidak mengundi, iaitu Lim Kit Siang (digantung) dan Dr Tan Seng Giaw (tidak hadir).

Sebelum ini, parti pembangkang, termasuk PKR, DAP, Parti Amanah Negara (PAN) didakwa mahu menggunakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri dengan menolak Bajet 2016 bagi menggulingkan kerajaan.

Bagaimanapun, keputusan mereka tidak dipersetujui PAS yang menganggap ia satu tindakan yang tidak demokrasi.

Sementara itu, Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee, berkata Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 itu akan dibahaskan di peringkat jawatankuasa mulai hari ini dan dijangka berakhir minggu depan.

“Perbahasan peringkat jawatankuasa itu untuk meluluskan bajet bagi semua kementerian dan Bajet 2016 hanya akan diluluskan sepenuhnya selepas bacaan kali ketiga,” katanya ketika dihubungi semalam.